

# Saad Man tak terlibat mensabotaj saya — PM

UM 20 DEC 1999

KUALA LUMPUR 19 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa bekas Setiausaha Politikanya, Datuk Saad Man tidak terlibat dalam komplot mensabotaj borang pencalonannya untuk bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum lalu.

“Tak (Saad tidak terlibat),” kata beliau ringkas selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO selama tiga setengah jam di Menara Datuk Onn di sini, petang ini.

Dr. Mahathir bagaimanapun tidak menjelaskan desas-desus mengata-

kan Saad telah dipecat sebagai Setiausaha Politikanya.

*Utusan* yang memperoleh sumber dalaman Jabatan Perdana Menteri diberitahu Saad telah ‘diberhentikan’ daripada jawatan yang disandanginya itu selama dua penggal.

Pada 10 Disember lalu semasa mengumumkan barisan kabinet baru, Dr. Mahathir mendedahkan ada orang sengaja silap menulis namanya dalam borang pencalonan pada pilihan raya umum lalu, yang hampir menyebabkan beliau tersingkir dari persaingan pilihan raya lalu.

Laporan akhbar *The Star* hari ini menyebut bahawa Saad dipecat se-

bagai Setiausaha Politik Dr. Mahathir, yang dipercayai berkaitan dengan penglibatan beliau dalam unsur sabotaj menjelang pilihan raya umum 29 November lalu.

Saad dalam akhbar sama bagaimanapun menafikan dakwaan itu dan memberitahu beliau meletakkan jawatan berkenaan awal bulan ini.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir ketika ditanya sama ada mesyuarat petang ini ada membincangkan isu ahli-ahli UMNO yang belot pada pilihan raya lalu berkata:

“Kita bincang tetapi kita tak ada ambil tindakan apa-apa kerana Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin akan meneliti perkara ini.

“Perkara tindakan disiplin akan diuruskan kemudian.”

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Rabu lalu, memutuskan untuk menyerahkan satu senarai ahli UMNO yang belot, dianggarkan ‘ratusan’ kepada MT hari ini untuk diambil tindakan tegas termasuk dipecat dari parti.

Senarai nama ahli UMNO yang ‘agak ramai’ itu diperoleh hasil laporan daripada bahagian-bahagian UMNO di seluruh negara, yang dipercayai antara punca kemerosotan prestasi UMNO pada pilihan raya umum lalu.